



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **BELANJAWAN 2026 : KPN KEMUKA 5 INISIATIF BERTERASKAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA**

---

**KUALA LUMPUR**, 18 Ogos – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengemukakan **lima (5) cadangan inisiatif untuk Belanjawan 2026**, berteraskan **agenda pembinaan Negara Bangsa yang inklusif dan harmoni**, selaras dengan **aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13**. Perkara tersebut diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyempurnakan **Sesi Dialog Belanjawan 2026 KPN**.

Cadangan Pembinaan Negara Bangsa dalam Belanjawan 2026 akan memberi tumpuan kepada **pembangunan komuniti serta pengukuhan semangat kenegaraan**. Sehubungan itu, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah **mengusulkan lima (5) inisiatif utama** seperti berikut:

1. **RM100 juta – Perpaduan & Identiti Nasional** (Pelaksanaan program perpaduan, sukarelawan dan kenegaraan berfokus kepada agenda pembinaan Negara Bangsa);
2. **RM100 juta – Keharmonian & Kesejahteraan Komuniti** (Pengukuhan KRT Progresif, peremajaan SRS, pemerkasaan Mediator Komuniti serta Inisiatif Harmoni MADANI);
3. **RM10 juta – Ini Warisan Kita** (Pemerolehan bahan sejarah serta khazanah warisan negara untuk dipelihara dan diwarisi generasi akan datang);
4. **RM20 juta – Transformasi Pendigitalan** (Pendigitalan khazanah warisan negara merangkumi muzium, arkib dan perpustakaan agar lebih mudah diakses masyarakat); dan
5. **RM20 juta – Premis Perpaduan Kondusif** (Penambahbaikan fasiliti dan kemudahan di premis perpaduan demi kesejahteraan rakyat).

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya telah mengemukakan **dua (2) cadangan utama** agar **Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** mempertimbangkan **penyediaan insentif pengecualian cukai** kepada syarikat-syarikat yang menyumbang secara langsung kepada program atau aktiviti perpaduan di peringkat komuniti selain mencadangkan agar **peruntukan Geran Aktiviti Tahunan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) ditingkatkan daripada RM6 ribu kepada RM10 ribu setahun**. Peningkatan ini membolehkan KRT melaksanakan lebih banyak aktiviti berimpak tinggi dan inklusif di peringkat akar umbi.

Sesi dialog ini **menjadi platform libat urus rasmi antara KPN dan pelbagai pihak berkepentingan** termasuk agensi kerajaan, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Badan Bukan Kerajaan (NGO), persatuan, pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan orang awam bagi membincangkan keperluan, cadangan serta keutamaan berkaitan Belanjawan 2026.

Selain itu, sesi ini diadakan bagi memastikan **penyediaan dokumen Belanjawan 2026 bersifat terangkum, menyeluruh dan mengambil kira pandangan semua lapisan masyarakat** selain mengukuhkan hubungan strategik dan kerjasama antara KPN dengan pihak berkepentingan melalui perkongsian maklumat dan aspirasi bersama.

Kementerian Perpaduan Negara  
18 Ogos 2025  
KPN.100-9/1/16 (65)